

19 MAR 1999

Sabah-Kabinet

JEMAAH KABINET SABAH TELAH DIKENALPASTI, KATA OSU

KOTA KINABALU, 19 Mac (Bernama) -- Anggota jemaah kabinet kerajaan negeri Barisan Nasional (BN) Sabah yang mengangkat sumpah jawatan masing-masing esok telah dikenalpasti, kata Ketua Menteri Datuk Osu Sukam hari ini.

Bagaimanapun, beliau tidak memberi butiran lanjut mengenai nama-nama mereka dan berkata ia hanya diumumkan esok.

Osu yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri berkata kabinet baru yang akan dibentuk itu menyaksikan gandingan muka lama dan baru yang akan mengangkat sumpah di hadapan Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai di Istana Negeri.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, di sini, sekembalinya daripada pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur dua hari lepas.

Mengenai enam Anggota Dewan Undangan Negeri yang dilantik, Osu berkata calon-calonnya telahpun dikenalpasti dan akan diumumkan selepas pelantikan anggota kabinet negeri.

"Parti-parti komponen BN telah bersetuju dan akur kepada pelantikan itu yang dibuat berdasarkan semangat kerjasama BN bagi membangunkan negeri ini," katanya.

Osu berkata beliau juga telah berbincang dengan Perdana Menteri mengenai pelbagai perkara termasuk soal pembangunan dan pentadbiran negeri dalam usaha memantapkan keyakinan rakyat terhadap kerajaan sekarang.

Osu dilantik sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru Isnin lepas, menggantikan Tan Sri Bernard Dompok yang gagal mengekalkan kerusi Moyog pada pilihan raya negeri hujung minggu lepas.

Pada pilihan raya itu, BN menang 31 kerusi menewaskan pencabar terdekat Parti Bersatu Sabah pimpinan bekas Ketua Menteri Datuk Joseph Pairin Kitingan yang hanya memperolehi 17 kerusi.

-- BERNAMA

NT WAT